

Kuala Nerus: Organisasi Koperasi Asean (ACO) akan memulakan satu program perdagangan membabitkan jaringan perniagaan serantau mulai tahun depan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, menerusi platform berkenaan, setiap negara anggota diminta memilih 10 produk untuk dipasarkan di seluruh Asean.

Beliau berkata, setiap produk terbabit harus diperakui halal sebelum dipasarkan dan ia dipersetujui secara sebulat suara oleh semua negara terbabit.

“Kita mengadakan mesyuarat mengenai perkara ini dan antara keputusannya ialah meningkatkan kerjasama koperasi dalam Asean.

“Melalui jaringan perniagaan ini, saya meminta setiap negara memilih 10 produk untuk ACO yang di-

Pilih 10 produk pasar seluruh Asean

perakui halal bagi dipasarkan dalam kalangan negara Asean bermula tahun depan.

“Selepas itu kita akan kembangkan ke peringkat Asia sebelum ke seluruh dunia pada 2025,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Aidilfitri Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Terengganu di Wisma Kokitab di sini, semalam.

Abdul Fattah yang juga Presiden Angkasa berkata, kerjasama berkenaan mempunyai potensi sangat besar berikutan ada 64 juta ahli daripada 250,000 koperasi di seluruh Asean.

“Angkasa sebagai badan koperasi puncak di Malaysia memilih empat produk untuk pasaran ACO iaitu makanan halal, sistem kewangan Islam, koperasi sekolah dan koperasi kariah masjid.

“Setiap produk ini mestilah yang terbaik dan mendapat pengiktirafan contohnya cop Sirim Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia dan sijil halal,” katanya.



Melalui jaringan perniagaan ini, saya meminta setiap negara memilih 10 produk untuk ACO yang diperakui halal bagi dipasarkan dalam kalangan negara Asean bermula tahun depan”

Abdul Fattah Abdullah



Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA